

Kes dera seksual serius

60 peratus dilapor dilakukan ahli keluarga terdekat

B/A 4/7/2011 MS 5.

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bharian.com.my

PETALING JAYA: Sebanyak 60 peratus daripada 1,823 kes penderaan seksual terhadap wanita dan kanak-kanak yang dilaporkan sepanjang lima tahun lalu, dilakukan oleh ahli keluarga terdekat termasuk bapa kandung, bapa tiri dan saudara mara.

Perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2006 hingga 2010 itu juga menunjukkan kes penderaan seksual di negara ini berada pada tahap serius termasuk peningkatan kes dilaporkan setiap tahun, namun pada masa sama ia membuktikan kesedaran masyarakat terhadap perlakuan itu semakin meningkat.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Khalid Abu Bakar, berkata ahli keluarga terdekat sepatutnya berperanan melindungi keselamatan kanak-kanak, namun ia berlaku sebaliknya.

“Walaupun perangkaan kes membabitkan kanak-kanak khususnya penderaan seksual meningkat, ia sebenarnya menunjukkan kesedaran masyarakat untuk melaporkan perlakuan sedemikian semakin meningkat,” katanya berucap pada pelancaran program ‘Menyatukan Ke-

luarga – Keselamatan Kanak-Kanak’ anjuran RHB Bank Berhad di sini, semalam.

Pelancaran disempurnakan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Heng Seai Kie. Hadir sama, Pengerusi RHB Bank, Tan Sri Azlan Zainol dan Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye.

Khalid berkata, perangkaan sepanjang 2006 hingga 2010 juga menunjukkan lebih 70 peratus mangsa rogol di negara ini adalah kanak-kanak dan remaja bawah 18 tahun daripada keseluruhan 16,158 kes yang dilaporkan.

Selain itu, katanya, sebanyak 1,017 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan sepanjang lima tahun lalu atau purata 200 kes setiap tahun, dengan 57 peratus atau 579 kes

membabitkan kanak-kanak lelaki.

Sehubungan itu, beliau berkata, bagi menangani pelbagai kes membabitkan kanak-kanak, PDRM mewujudkan Pusat Temu Duga Kanak-Kanak (CIC) yang bertujuan mendapatkan maklumat daripada mangsa untuk mengukuhkan kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan.

“PDRM menyediakan persekitaran selesa dan bersesuaian dengan kanak-kanak di pusat berkenaan yang diwujudkan di Bukit Aman kerana kita mahu mendapatkan seberapa banyak maklumat berhubung kes yang menimpa mereka untuk pendakwaan,” katanya.

Khalid berkata, sepanjang tempoh sama, 5,270 kanak-kanak dilaporkan hilang dengan 43 peratus atau 2,982 belum ditemui.

“Ia termasuk kes lari dari rumah atas pelbagai alasan termasuk mencari kebebasan, perselisihan faham dengan ahli keluarga atau termakan pujuk rayu teman lelaki,” katanya.

Sementara itu, Azlan berkata, RHB Bank menerusi program berkenaan terus bekerjasama dengan pelbagai pihak khususnya PDRM dan MCPF, dalam meningkatkan kesedaran ibu bapa sebagai pelindung anak masing-masing bagi mengelak menjadi mangsa penjenayah.

FAKTA NOMBOR

1,823
kes

Penderaan seksual terhadap wanita dan kanak-kanak dilaporkan sepanjang tempoh lima tahun lalu